

# KUALITI & KEMAHIRAN PASUKAN USAHANIAGA YANG MANTAP

Disediakan oleh:

Merlyn Rita anak Buncha & Salmah Topimin,  
Pensyarah Keusahawanan,  
Fakulti Perniagaan, Ekonomi & Perakaunan,  
Universiti Malaysia Sabah

## 1. Minat dan Pengetahuan

- minat yang kekal dan bukan bersifat sementara, serta pengetahuan asas dan teknikal dalam bidang perniagaan yang diceburi boleh memberikan motivasi tinggi kepada usahawan untuk sentiasa berusaha, berinisiatif, sabar dan cekal hati dalam mengharungi liku-liku susah senang menguruskan perniagaan.

## 2. Pengalaman dalam bidang diceburi

- mesti tahu segala selok-belok bagaimana hendak menguruskan sesebuah perniagaan. Pengalaman industri yang relevan boleh membantu usahawan memahami industri yang bersaling-kait dengan industri yang diceburi.

## 3. Jaringan keusahawanan sosial dan profesional

- memperluaskan banyak jaringan seperti kenalan, pembekal, pengedar, pelanggan, pelabur, peminjam, ahli-ahli lembaga pengarah, ahli kelab atau persatuan/ badan-badan profesional lainnya boleh membantu pertukaran maklumat dan ide-ide dapat digunakan dalam proses pembuatan keputusan perniagaannya